

Headline	Talian atas laut nafas baharu di Pulau Besar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	22
ArticleSize	411 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 42,339		



Talian atas laut nafas baharu di Pulau Besar

➔ TNB berjaya salurkan bekalan utiliti lebih baik kepada penduduk

► Pulau Besar

Penduduk di Pulau Besar, Melaka yang dahulunya terpaksa bergantung kepada penjana elektrik kini dapat menghela nafas lega apabila Tenaga Nasional Bhd (TNB) menyalurkan bekalan tenaga konsisten ke kepulauan kecil berkenaan.

Langkah TNB membelanjakan kira-kira RM32.5 juta untuk membangunkan talian atas laut yang menghubungkan Stesen Suis Utama (SSU) Pantai Siring ke SSU Pulau Besar sejauh 4.2 kilometer memberi nafas baharu kepada kawasan berkenaan.

Bekalan elektrik konsisten

Dengan bekalan elektrik yang konsisten memberikan peluang kepada kerajaan negeri Melaka inisiatif untuk membangunkan Pulau Melaka sebagai salah satu destinasi pelancongan pilihan di negeri ini.

Talian penghantaran 11kV (kilovolt) yang mula beroperasi pada Februari tahun lalu selepas disiapkan dalam tempoh enam bulan lebih awal dari tarikh ditetapkan.

Mempunyai penduduk hampir 160 orang, ia jelas memberi banyak manfaat kepada mereka termasuk mengelakkan sebarang kerugian akibat kerosakan penjana atau peralatan elektrik apabila terputus bekalan elektrik.

Pengurus Besar Bahagian Pengerahan TNB Melaka, Datuk Baderul Sham Saad ketika ditemui pada acara Lawatan TNB Media Familiarisation di Melaka baru-baru ini

berkata, projek yang menggunakan teknologi 'monopole' adalah pertama seumpamanya di Malaysia.

Pembiayaan bersama

Beliau berkata, projek yang dibiayai sama rata antara TNB dan kerajaan Melaka itu jelas lebih baik dan kosnya lebih efektif jika dibandingkan dengan kaedah kabel dasar laut yang dipraktikkan di kebanyakan kepulauan sebelum ini.

Katanya, jika sambungan dibuat melalui dasar laut sepenuhnya, kos sebenarnya adalah kira-kira RM90 juta tetapi dengan talian penghantaran 'monopole', kos hanya RM32.5 juta.

"Sistem pembekalan elektrik dengan menggunakan talian penghantaran rendah kos, mudah diselenggara, cekap dan terjamin serta tidak memerlukan perubahan menara bagi kerja-kerja naik taraf pada masa hadapan.

"Sebanyak 12 menara digunakan untuk menyalurkan bekalan elektrik dari SSU Pantai Siring ke SSU Pulau Besar. Sistem berkenaan juga berkemampuan menyalurkan tenaga sehingga 6MW.

"Jadi, TNB mempelawa pelabur untuk melabur di Pulau Besar, Melaka, sama ada dalam sektor pelancongan atau projek lain yang boleh memberi manfaat kepada penduduk setempat dan kerajaan Melaka," katanya.

Ketika ini, terdapat beberapa penempatan aktif di Pulau Besar termasuk Sekolah Menengah Agama

(SMA) Tahfiz dan Al-Quran Pulau Besar, Muzium Pulau Besar dan beberapa unit kedai makan.

Kekang kerugian

Sementara itu, Guru Penolong Kanan Hal Murid SMA Tahfiz dan Al-Quran Pulau Besar, Azmi Ismail, berkata penyaluran tenaga elektrik secara konsisten berjaya mengekang kerugian akibat kerosakan penjana selain kos operasinya jauh lebih rendah.

"Jika dulu kami menggunakan penjana elektrik, kos operasi adalah sekitar RM30,000 sebulan tetapi dengan tenaga elektrik yang disalurkan TNB, kos operasi kami kini sekitar RM7,000 hingga RM8,000 sahaja.

"Setakat ini juga, tiada lagi isu terputus bekalan sejak TNB menyalurkan tenaga elektrik ke Pulau Besar, sekali gus melancarkan sistem pengajaran dan pembelajaran sekolah agama ini," katanya.

Tingkat kehadiran pelawat

Bagi Pegawai Operasi Muzium Pulau Besar, Fanizam Khalid, TNB berjaya menyalurkan bekalan utiliti dengan lebih baik kepada penduduk, sekali gus dapat meningkatkan kehadiran pelawat ke muzium berkenaan.

"Ketika kami menggunakan penjana elektrik untuk beroperasi, hanya dianggarkan 50 hingga 100 pelawat sahaja sebulan. Tetapi kini ia meningkat sekali ganda antara 100 dan 200 pengunjung.

"Malah, kos operasi kami turut jimat dari RM3,000 sebulan kepada sekitar RM1,000 sebulan," katanya.

Headline	Talian atas laut nafas baharu di Pulau Besar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	22
ArticleSize	411 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 42,339		

